



SIARAN MEDIA

UNIT PENYELARASAN LONJAKAN PRESTASI (PACU) PEJABAT PERDANA MENTERI

KESIAPSIAGAAN BANJIR DIPERKUKUH, KERAJAAN PERHEBAT TINDAKAN REFORMASI MERENTAS AGENSI

**UNTUK SIARAN SEGERA
27 NOVEMBER 2025**

PUTRAJAYA, 27 November 2025 – Kerajaan MADANI hari ini memperkukuh kesiapsiagaan negara menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026 melalui Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) Bilangan 10 Tahun 2025 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara. Pasukan STAR komited untuk memastikan pengurusan banjir pada tahun ini lebih tersusun dan cekap demi kesejahteraan rakyat.

Dalam mesyuarat tersebut, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) membentangkan situasi banjir semasa yang menunjukkan beberapa negeri telah terjejas dengan ribuan keluarga dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Bagi memperkukuh tindak balas dan pengurusan mangsa, kerajaan telah menyalurkan RM57 juta merangkumi Bantuan Wang Ihsan serta peruntukan pengoperasian bencana. Aset penyelamat dan logistik turut digerakkan lebih awal sebagai langkah mitigasi menghadapi taburan hujan luar biasa akibat fenomena La Niña.

Selain kesiapsiagaan banjir, STAR turut memperhalusi pelbagai langkah penambahbaikan berimpak tinggi yang akan memperkukuh kecekapan perkhidmatan awam. Ini termasuk usaha mempertingkat keupayaan makmal pengujian dadah melalui model baharu yang menggabungkan naik taraf makmal KKM, peluasan fungsi Jabatan Kimia Malaysia serta kawal selia penggunaan makmal swasta bagi mempercepatkan proses pengesanan ujian daripada 60 hingga 90 hari kepada sasaran 10 hari.

Dalam aspek komunikasi kerajaan, Kementerian Komunikasi membentangkan pelan pemerkasaan Unit Komunikasi Korporat (UKK) di kementerian dan agensi bagi memastikan mesej dasar yang disampaikan kepada rakyat lebih tuntas, tepat dan seragam. Kajian komprehensif selama dua bulan akan bermula segera bagi merangka model UKK yang lebih mantap dan responsif terhadap tuntutan media dan orang awam.

Mesyuarat turut diberi taklimat mengenai Pekeliling Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan, yang akan menyokong penguatkuasaan Akta 867 mulai 1 Disember 2025. Pekeliling ini akan menjadi rujukan utama dalam mengurangkan beban regulatori kerajaan sekurang-kurangnya 25 peratus serta memperkuat disiplin dan akauntabiliti perkhidmatan awam melalui pelaksanaan Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB).

Mengulas rangka tindakan yang dibentangkan, Tan Sri KSN menegaskan bahawa fokus kerajaan adalah memastikan reformasi diterjemah kepada hasil yang nyata dan memberi kesan langsung kepada rakyat. “Reformasi adalah satu kemestian. Yang penting bukan sekadar dasar, tetapi keberhasilan yang dapat dirasakan rakyat melalui tindakan kerajaan yang cepat, tepat dan berimpak,” katanya.

Pasukan STAR yang diurussetiakan oleh Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU), dengan kerjasama Pejabat Ketua Setiausaha Negara, Unit Pantau MADANI (PMU) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) akan terus memainkan peranan strategik sebagai platform reformasi merentas kementerian dan agensi, memastikan pelaksanaan dasar kerajaan lebih cekap, telus dan responsif terhadap keperluan rakyat.

Reformasi Satu Kemestian!

Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR)
Putrajaya

27 November 2025

